

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN (BAYAN BARU)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan syarat-syarat dan jumlah permohonan rakyat Malaysia keluar negara bagi tujuan kerja sejak Mac 17, 2020. Nyatakan bagaimana Jabatan Imigresen mempercepatkan proses tersebut untuk membantu syarikat Malaysia memberi perkhidmatan di negara asing

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuat kuasa oleh Kerajaan bermula 18 Mac 2020 sehingga kini bagi membendung penularan pandemik COVID-19, dan ianya termasuklah pengukuhan kawalan pintu masuk dan sempadan negara. Bagi tujuan ini, Kerajaan memperkenalkan kawalan kemasukan warganegara asing ke Malaysia melalui penetapan syarat-syarat permohonan yang ketat bagi kategori warganegara asing yang dibenarkan serta kawalan perjalanan ke atas warganegara Malaysia ke luar negara.

Jumlah permohonan keseluruhan yang diterima oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga 13 November 2020 yang melibatkan rakyat Malaysia keluar negara adalah sebanyak 9,458 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8,379 permohonan telah diluluskan manakala 1,079 permohonan telah ditolak.

SOALAN NO : 42

Kesemua permohonan tersebut dibawa untuk pertimbangan dan keputusan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas (*Taskforce*) dan *Taskforce MyTravelPass (MTP)*.

Bermula 7 Oktober 2020, JIM memperkenalkan MyTravelPass (MTP) iaitu suatu sistem permohonan kebenaran masuk dan ke luar negara untuk warganegara Malaysia sebagai salah satu inisiatif penambahbaikan proses permohonan tersebut. Sebelum MyTravelPass diperkenalkan, permohonan dibuat melalui e-mel kepada JIM dan dianggarkan sebanyak 9,000 e-mel diterima dalam sehari. Ini menyebabkan JIM terpaksa menapis emel yang diterima terlebih dahulu kerana terdapat permohonan berulang sebelum ianya diluluskan dan tempoh jangka masa yang diperlukan untuk meluluskan permohonan ialah antara tujuh hingga sepuluh hari.

Dimaklumkan bahawa sistem MTP mampu memendekkan tempoh masa kelulusan permohonan kepada tempoh tiga hingga lima hari bekerja. Sistem ini dapat diakses oleh orang ramai melalui laman web rasmi JIM iaitu www.imi.gov.my atau mtp.imi.gov.my. Pewujudan sistem tersebut adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui pendigitalan.